

D184

U B482 BAH

PAS

BUTTERWORTH, 1 MEI (BERNAMA) -- PERTEMUAN PAS DENGAN PRESIDEN UMNO DAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DI KUALA LUMPUR BARU-BARU INI ADALAH TIDAK RASMI DAN DIANGGAP SEBAGAI UNDANGAN PALING TINGGI, KATA TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS HAJI FADZIL NOOR.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA AGENDA KHUSUS DALAM PERBINCANGAN DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG JUGA PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTANIAN ENCIK ANWAR IBRAHIM PADA 6 APRIL ITU.

SEBALIKNYA, IA LEBIH DITUMPUKAN KEPADA PERKARA KECIL YANG TIDAK BANYAK FAEDAHNYA, KATANYA SEMASA BER CERAMAH DI KAMPUNG GUAR KEPAYANG, SUNGAI DUA, DEKAT SINI MALAM TADI.

OLEH ITU KATANYA PARA PENYOKONG PAS TIDAK PERLU RESAH DAN BIMBANG KERANA IA TIDAK MENJEJASKAN KEDUDUKAN PARTI.

PERBINCANGAN BERDASARKAN USAHA MENGELAKKAN PERTELAGAHAN ANTARA UMNO DAN PAS TERUTAMA BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA AKAN DATANG, KATA BELIAU.

HAJI FADZIL NOOR BAGAIMANAPUN MENGAKUI BAHAWA PERTEMUAN ITU MERUPAKAN SATU UNDANGAN YANG TINGGI NILAINYA DARIPADA UMNO KEPADA PAS DARIPADA SEGI PERKEMBANGAN POLITIK KEDUA-DUA PARTI. -- BERNAMA.
YD.

1622MST 01 05 86